

NOVEL TIRANI KARYA BEB SABARIAH

TEMA

tema novel Tirani ialah **Kecantikan fizikal bersifat sementara dan bukan penentu kebahagiaan hidup tetapi ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang yang dapat menutupi kekurangan atau kelemahan diri.**(2m) Contohnya, Waheeda obses terhadap kecantikan dan berjaya melakukan pembedahan plastik tetapi akhirnya kerana beliau cantik, Zahid cemburu buta terhadap Waheeda sehingga menceraikan Waheeda(1m). Namun waheeda tabah membesarkan anaknya dan perniagaannya sehingga menjadi ahli perniagaan yang berjaya. (1m)

SINOPSIS MENGIKUT PLOT NOVEL

1. Permulaan

Pengenalan kepada watak **Waheeda yang melayari laman sesawang** berkaitan kecantikan wajah. Waheeda mempunyai keinginan yang tinggi untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya yang bertujuan untuk menjaga kekemaran diri.

2. Perkembangan

Monyet Belanda menyerang Chalet Tajau Emas menyebabkan suasana menjadi kelam-kabut apabila penguni dan pekerja-pekerja lari bertemparan untuk menyelamatkan diri. Monyet itu telah menyerang dan mengigit muka Waheeda. Waheeda dibawa ke hospital oleh Raidah dan Fadhil. Waheeda Silicon Medical Center (SMC), Singapura utk membuat pembedahan mata dan hidungnya.

3. Perumitan/ konflik

Halloway dan Dr Rusdhi membuat kejutan mengunjungi penginapan Waheeda di Matang dan kedatangan mereka mencetuskan rasa cemburu suaminya. Selain itu, **Zahid terserempak dengan Waheeda berbulu dengan tetamu dari Dubai yg menginap di Inap desa Tajau Emas** juga menghadangkan rasa cemburu kepada suaminya , Zahid. Waheeda selamat melahirkan bayi perempuan di wad Hospital pakar Normah, Zahid tidak datang menjenguk bayinya. Waheeda meminta dan merayu suaminya agar melihat hasil laporan DNA apabila suaminya, Zahid mempertikaikan status Izzati sebagai anak kandunginya.

4. Klimaks

Zahid bertindak nekad untuk menceraikan isterinya, Waheeda dengan talak satu disebabkan faktor cemburu dan sikap curiganya yang terlampau itu. Waheeda mengalami masalah **kemurungan** dan masalah migrain dan meroyan akibat tindakan Zahid yang kejam kerana dia terlalu mencintai suaminya itu.

5. Peleraian

Ghazi dan Raidah menemani Waheeda untuk mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Pusat Rawatan Islam (Pusrawi), Kuala Lumpur. Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan **Chalet Iwana-Iwani milik Pak Cik Abdul Aziz** yang terletak di **Cameron Highlands** dengan menukarkan nama chalet itu kepada Aya-Sajinah.

Selepas 20 tahun, **Zahid kebetulan menginap di Chalet Aya-Sajinah, berehat di Cafe Iwani** dan bersembang tentang kesilapan masa silam. Zahid menangis mengesahkan bahawa Izzati merupakan anak kandunginya dan Waheeda, ibu Izzati merupakan insan yang dicarinya selama ini.

Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan anak kandung mereka, Izzati. Lais cuba menterangkan perasaan Zahid dan Waheeda manakala Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan bapanya, Zahid.

TEKNIK PLOT

1. Teknik Imbas Kembali – Ingatan sesuatu watak terhadap peristiwa atau kejadian yang telah berlaku atau yang telah dialami.	Waheeda teringat akan kain sarung birunya terbelah sehingga paras peha seperti busana cheongsam kerana melakukan pembedahan plastik kepada ibunya.
2. Teknik Dialog – Perbualan watak dengan watak lain.	perbualan antara Waheeda dengan ibunya, Raidah. Contohnya, Waheeda telah menyatakan hasratnya untuk menjalani pembedahan plastik kepada ibunya.
3. Monolog dalaman / Monolog luaran – kata hati atau penguapan batin sesuatu watak.	Waheeda bermoнолог ketika teruja dan seronok untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya. Waheeda berbisik dalam hati bahawa kalau boleh hendak menjalani pembedahan plastik sekarang juga.
4. Teknik kejutan – peristiwa yang berlaku secara tiba-tiba tanpa di duga oleh pembaca / watak.	Peristiwa serangan monyet Belanda di Chalet Tajau Emas. Pembaca tidak menyangka bahawa monyet-monyet itu bertindak agresif hingga sanggup mencederakan orang-orang yang berada di situ, iaitu Waheeda.
5. Teknik saspens - peristiwa yang menimbulkan keadaan tertanya-tanya atau perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca tentang peristiwa yang akan berlaku selanjutnya	Peristiwa ketika keputusan DNA anak Waheeda dikeluarkan. Pembaca tertanya-tanya, adakah Izzati anak kepada Zahid atau tidak? Akhirnya keputusan itu mengesahkan bahawa Izzati ialah anak kandung Zahid.

NILAI, PERSOALAN DAN PENGAJARAN

Nilai	Persoalan	Pengajaran	contoh peristiwa
Nilai kasih sayang.	Persoalan tentang kasih sayang ibu kepada anak	kita hendaklah sayang kepada anak dan keluarga	Waheeda sayang kepada anaknya Izzati dan telah membesarkan Izzati tanpa suami selepas bercerai dengan Zahid.
Nilai keberanian	Persoalan tentang keberanian seseorang dalam memajukan perniagaannya.	Kita hendaklah berani dalam memajukan perniagaan	Waheeda berani dalam membuat pinjaman kewangan dengan bank pembangunan Usahawan dan berani menanggung risiko dalam perniagaan.
Nilai tanggungjawab	Persoalan tentang tanggungjawab seseorang dalam memajukan perniagaan	Kita hendaklah bertanggungjawab dalam memajukan perniagaan	Waheeda bertanggungjawab mengembangkan perniagaan inap desanya syarikat Tajau Emas Sdn. Bhd .
Nilai bekerjasama	persoalan tentang bekerjasama dalam menguruskan perniagaan	kita hendaklah bekerjasama dalam mengurus perniagaan keluarga	Waheeda bekerjasama dengan keluarganya untuk mengurus syarikat Tajau emas yang mengusahakan inap desa Tajau Emas di Matang, Sarawak.
Nilai kepatuhan	Persoalan tentang kepatuhan mendengar nasihat ibu bapa	kita hendaklah patuh dengan nasihat ibu bapa.	Waheeda patuh dengan arahan bapanya yang melarang dia melakukan pembedahan

WATAK DAN PERWATAKAN

Watak Utama – Waheeda Bt Fadhil

Watak	Perwatakan	contoh peristiwa
1. Anak kedua kepada Raidah dan Fadhil	Seorang yang penyayang	Waheeda sayang kepada anaknya Izzati dan membesarkan Izzati seorang diri selepas bercerai dengan Zahid.
2. Pengurus inap desa Tajau Emas Sdn. Bhd.	Seorang yang tabah.	Waheeda tabah menghadapi dugaan hidup dalam rumahtangga sehingga bercerai dengan Zahid.
3. Mahasiswa lulusan perniagaan dan pelancongan, UTM.	Seorang yang berani	Waheeda berani membuat pinjaman kewangan daripada Bank Pembangunan di bawah program pinjaman siswazah untuk memajukan syarikat Tajau Emas Sdn. Bhd.
4. Berkahwin dengan Zahid	Seorang yang rajin	waheeda rajin membantu pekerja-pekerjanya membuat persiapan untuk kehadiran pelancong-pelancong ke inap desanya.
5. anak perempuan bernama Izzati	Seorang yang bijak	Waheeda mendapat khidmat kawannya Nurjihan untuk menyerahkan sampel rambut suami, Izzati dan dirinya sendiri untuk membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa Izzati adalah anak kandung mereka.

Watak Sampingan

Watak	Perwatakan	Contoh peristiwa
1. Raidah	Seorang yang penyayang	Raidah, ibu Waheeda sanggup pergi ke Singapura untuk menemani waheeda menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Medical Center (SMC), Singapura.
	Seorang yang rajin	Raidah menyediakan hidangan tradisional masyarakat Sarawak contohnya pansuh manok, terubuk panggang, dan bubur pedas untuk hidangan para tetamu yang menginap di chalet mereka.
2. Zahid	Seorang yang cemburu buta	Zahid cemburu buta dan menuduh waheeda mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain hanya kerana sikap mesra Waheeda dengan tetamu menginap di chalet mereka.
	Seorang yang terburu-buru membuat keputusan	Zahid tidak mahu melihat keputusan DNA dan terburu-buru menceraikan Waheeda.

No.	Latar tempat	contoh peristiwa
1.	Inap Desa Tajau Emas	Tempat monyet Belanda menyerang dan mencakar muka waheeda.
2.	Silicon Medical Centre Singapura	tempat Waheeda menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Medical Center (SMC), Singapura.
3.	Hotel Flamingo Pulau Sentosa	Tempat Waheeda bekerja sebagai Pegawai perhubungan Awam(PRO).
4.	Hospital Pusrawi, KL	Tempat Waheeda mendapatkan rawatan dan kaunseling kerana kemurungan selepas diceraikan oleh Zahid

No.	Latar masa	contoh peristiwa
1.	Waktu tengah hari.	Fatimah dan ahli rombongan MATTA dari Kuala Lumpur yang disajikan hidangan ketupat pulut peruk kerah oleh masyarakat Dayak Bidayah ketika mereka mengikuti Pesta Bung Bratak.
2.	Waktu malam	Peristiwa Fadhil yang teringat akan tindakannya meninggalkan hasrat anak gadisnya, Waheeda untuk melakukan pembedahan kosmetik pada hidungnya yang pesek sewaktu dia berjalan melintasi bilik tidur anaknya itu.
3.	Waktu petang	peristiwa Waheeda yang duduk sambil menikmati minuman petang di Restoran Genki Susy.

No.	Latar Masyarakat	contoh peristiwa
1.	Masyarakat yang tabah dalam menempek cabaran dugaan.	Waheeda tabah dan bersabar menghadapi karenah suaminya Zahid yang kuat cemburu dan panas baran.
2.	Masyarakat yang mengamalkan nilai kasih sayang dalam kehidupan	Raidah, ibu Waheeda berusaha dan sanggup pergi ke Singapura semata-mata untuk menemani anak gadisnya itu menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Medical Center (SMC), Singapura.
3.	Masyarakat yang menghargai budaya dan warisan bangsa	Emak Waheeda iaitu Raidah menyediakan hidangan tradisional masyarakat Sarawak contohnya pansuh manok, terubuk panggang, dan bubur pedas untuk hidangan para tetamu yang menginap di chalet mereka.

TOLONG BACA DAN LIHAT TEKNIK MENULIS JAWAPAN YANG BETUL

1. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji , Huraikan tema novel tersebut. 7 Markah
Novel yang saya kaji ialah Novel Tirani Karya Beb Sabariah, , tema novel Tirani ialah Kecantikan fizikal bersifat sementara dan bukan penentu kebahagiaan hidup tetapi ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang yang dapat menutupi kekurangan atau kelemahan diri. (2m) Contohnya, Waheeda obses terhadap kecantikan dan berjaya melakukan pembedahan plastik tetapi akhirnya kerana beliau cantik, Zahid cemburu buta terhadap Waheeda sehingga menceraikan Waheeda(1m). Namun waheeda tabah membesarkan anaknya dan perniagaannya sehingga menjadi ahli perniagaan yang berjaya. (1m)

2. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji , Huraikan nilai yang menggambarkan tema novel tersebut. 7 Markah
Novel yang saya kaji ialah Novel Tirani Karya Beb Sabariah, , Peristiwa yang menunjukkan tema novel Tirani ialah Waheeda malu kelihatan cantik dan sanggup menjalani pembedahan plastic pada wajahnya selepas dicakar monyet Belanda. Peristiwa ini menjelaskan kecantikan fizikal yang kurang sempurna menyebabkan seseorang sanggup bertindak menjalani pembedahan. Peristiwa Waheeda membeli Chalet Iwana-iwani juga merupakan peristiwa yang menunjukkan ilmu perniagaan yang dimiliki oleh Waheeda menjadikan beliau seorang ahli perniagaan yang Berjaya.

3. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji , Huraikan Nilai yang terdapat dalam novel tersebut. 7 Markah (SOALAN TERBUKA)
Novel yang saya kaji ialah Novel Tirani Karya Beb Sabariah. Nilai yang terdapat dalam novel ini ialah Nilai kasih sayang . Waheeda sayang kepada anaknya Izzati dan telah membesarkan Izzati tanpa suami selepas bercerai dengan Zahid. Selain itu, Nilai Kasih sayang seorang anak terhadap bapanya . Contohnya, Izzati sayang terhadap bapanya Zahid walaupun Zahid tidak menjaganya dan memujuk ibunya Waheeda memaafkan Zahid.

4. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji , Huraikan Nilai Kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut. 7 Markah (SOALAN TERTUTUP)
Novel yang saya kaji ialah Novel Tirani Karya Beb Sabariah. Nilai Kasih Sayang yang terdapat dalam novel ini ialah Nilai kasih sayang seorang ibu terhadap anak . Contohnya, Waheeda sayang kepada anaknya Izzati dan telah membesarkan Izzati tanpa suami selepas bercerai dengan Zahid. Selain itu, Nilai Kasih sayang seorang anak terhadap bapanya . Contohnya, Izzati sayang terhadap bapanya Zahid walaupun Zahid tidak menjaganya dan memujuk ibunya Waheeda memaafkan Zahid.

(HATI-HATI DENGAN SOALAN TERBUKA DAN TERTUTUP UNTUK NILAI, PERSOALAN DAN PENGAJARAN)

5. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji , Huraikan persoalan tentang keberanian yang terdapat dalam novel tersebut. 7 Markah (SOALAN TERTUTUP)
Novel yang saya kaji ialah Novel Tirani Karya Beb Sabariah. Persoalan tentang keberanian yang terdapat dalam novel ini ialah Persoalan tentang keberanian seorang ahli perniagaan dalam usaha memajukan perniagaannya . Contohnya, Waheeda berani dalam membuat pinjaman kewangan dengan bank pembangunan Usahawan dan berani menanggung risiko dalam perniagaan. Selain itu, Persoalan tentang keberanian seseorang melakukan pembedahan untuk mengubah wajah . Contohnya, Waheeda berani mengambil keputusan membuat pembedahan plastik pada wajahnya supaya lebih sempurna.

6. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji , Huraikan kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut. 7 Markah (SOALAN TERTUTUP)
Novel yang saya kaji ialah Novel Tirani Karya Beb Sabariah. Nilai Kasih Sayang yang terdapat dalam novel ini ialah kasih sayang seorang ibu terhadap anak . Contohnya, Waheeda sayang kepada anaknya Izzati dan telah membesarkan Izzati tanpa suami selepas bercerai dengan Zahid. Selain itu Kasih sayang seorang anak terhadap bapanya . Contohnya, Izzati sayang terhadap bapanya Zahid walaupun Zahid tidak menjaganya dan memujuk ibunya Waheeda memaafkan Zahid.

7. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji , Huraikan PERISTIWA yang menunjukkan nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut. Berikan alasan anda. (7 Markah) (SOALAN TERTUTUP)
Novel yang saya kaji ialah Novel Tirani Karya Beb Sabariah. Peristiwa yang menunjuk nilai Kasih Sayang yang terdapat dalam novel ini ialah peristiwa Waheeda berusaha membuat ujian DNA untuk membuktikan anaknya Izzati adalah anak Zahid dan telah membesarkan Izzati tanpa suami selepas bercerai dengan Zahid. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya . Selain itu, peristiwa Izzati memujuk ibunya waheeda supaya memaafkan bapanya Zahid yang telah insaf. Peristiwa ini juga menunjukkan nilai sayang seorang anak kepada bapanya .

Peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang seorang ibu kepada anaknya ialah peristiwa Raidah iaitu ibu Waheeda yang membuat ketupat lepas makanan tradisi Sawarak untuk melepaskan bala dari anaknya dan beliau sanggup terbang ke Singapura untuk menemani anaknya yang akan membuat pembedahan plastik dan menunggu selama 10 jam di luar bilik pembedahan

8. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji jelaskan sebab-sebab novel tersebut dianggap istimewa dan boleh menarik minat pembaca (7 m)

Novel yang saya kaji ialah Novel Tirani Karya Beb Sabariah, , novel tersebut mempunyai banyak keistimewaan dari pelbagai aspek dan boleh menarik minat pembaca. Keistimewaan yang pertama adalah **tema yang baik** oleh pengarang. Tema novel ini berkisar tentang Kecantikan fizikal yang bersifat sementara namun, ilmu yang dimiliki seseorang dapat melindungi kelemahan diri. Waheeda yang menggantung dirinya tidak sempurna dan selepas hidungnya cedera teruk kerana serangan seekor monyet, dia berjaya mendapatkan kecantikan wajah yang diidamkan namun kecantikan tersebut menjadi punca keruntuhan rumahtangganya dengan Zahid. Walau bagaimanapun, waheeda yang mempunyai pendidikan yang tinggi mampu keluar daripada jerat keceda dan putus asa yang menyebabkan dia terpaksa mendapat rawatan sebagai pesakit jiwa, lalu melangkah terus maju ke hadapan dalam bidang pelancongan. Selain Istimewanya novel ini juga kerana mengandungi **banyak nilai dan pengajaran**. Pengarang menghantar mesej kepada pembaca melalui penerapan nilai murni seperti nilai kasih sayang seorang ibu kepada anaknya. Raidah ibu Waheeda tidak dapat menahan diri untuk bersama-sama anaknya menghadapi saat genting menjalani pembedahan rekonstruksi wajah di Singapura. keistimewaan Novel Tirani yang boleh menarik perhatian pembaca ialah dari segi **perwatakan watak utama** iaitu Waheeda. Waheeda digambarkan sebagai seorang wanita yang gigih berusaha. Dia memajukan Syarikat pelancongan Tajau Emas milik keluarganya sehingga syarikat tersebut menjadi terkenal dan resort tersebut sentiasa menerima kunjungan pelancongan dalam dan luar negara. Waheeda juga sentiasa berfikir positif dan sikapnya itu menyebabkan beliau berjaya keluar daripada belunggu kekecewaan ditinggalkan suami yang menuduhnya curang.

9. Dalam novel yang dikaji, bahagian peleraian cerita diakhiri dengan kejayaan . Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua peristiwa yang membuktikan kejayaan tersebut

Novel yang saya kaji ialah Tirani Karya Beb Sabariah. Berdasarkan novel ini terdapat beberapa peristiwa yang membuktikan terdapat kejayaan pada peleraian novel. Peristiwa pertama yang membuktikan kejayaan pada peleraian cerita ialah **kejayaan Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan Chalet Iwana-Iwani milik Pak Cik Abdul Aziz yang terletak di Cameron Highlands** dengan menukarkan nama chalet itu kepada Aya-Sajinah. peristiwa ini melambangkan kejayaan Waheeda dalam bidang perniagaan. Seterusnya, Peristiwa kedua yang membuktikan kejayaan pada peleraian cerita ialah **peristiwa Zahid menangis apabila diberitahu bahawa Izzati merupakan anak kandunginya dan Waheeda kerana ibu Izzati merupakan insan yang dicarinya selama ini**. Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan anak kandung mereka, Izzati . Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan bapanya, Zahid. peristiwa ini melambangkan kejayaan Waheeda yang berjaya menegakkan kebenaran tentang kesetiannya terhadap Zahid.

<p>10. Perkembangan cerita sebuah novel bergantung pada peranan yang dimainkan oleh watak utama dan watak sampingannya. Jelaskan dua peristiwa yang melibatkan watak utama daripada sebuah novel yang telah anda kaji.</p> <p>Novel yang saya pelajari ialah Tirani, karya Beb Sabariah. Peristiwa pertama yang melibatkan watak utama pada perkembangan cerita ialah peristiwa Waheeda telah dcederakan oleh seekor monyet Belanda pada bahagian wajah dan hidungnya. Kejadian ini menyebabkan Waheeda dikejar ke hospital oleh Fadhil sambil ditemani oleh ibunya, Raidah. Kesan peristiwa tersebut menyebabkan Waheeda mengambil keputusan untuk menjalani pembedahan rekonstruksi pada wajahnya di Singapura. Beliau menjalani pembedahan selama 12 jam yang diketuai Dr. Alma Hollis Chen di Silicon Medical Center (SMC).</p> <p>Selanjutnya, Peristiwa kedua yang melibatkan watak utama pada perkembangan cerita ialah Waheeda tersiksa dengan sikap cemburu buta Zahid. Walaupun Waheeda sangat mencintai Zahid, namun dia juga sangat komited terhadap kerjayanya. Waheeda diceraikan oleh Zahid selepas anak mereka Izzati dilahirkan. Zahid tidak percaya bahawa Izzati ialah anaknya kerana raut wajahnya tidak sama dengan raut wajah Waheeda mahupun dirinya. Walaupun Waheeda menunjukkan hasil ujian DNA, namun Zahid tetap pergi meninggalkan Waheeda.</p>
<p>11. Konflik merupakan satu daripada teknik penceritaan yang dapat mengembangkan sebuah cerita. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua konflik yang dihadapi oleh watak utamanya dan cara watak utama menyelesaikannya.</p> <p>Novel yang saya pelajari ialah Tirani, karya Beb Sabariah. Konflik pertama yang dihadapi oleh watak utama ialah konflik antara Waheeda dengan bapanya. Waheeda ditegur oleh bapanya selepas bapanya mengetahui bahawa Waheeda mahu menjalani pembedahan kosmetik. Bapanya menjelaskan bahawa perbuatan itu menyalahi hukum agama dan Waheeda akur dengan teguran bapanya. Namun begitu selepas wajah Waheeda dicakar monyet belanda, waheeda telah mengambil peluang untuk menjalani pembedahan plastik di Singapura.</p> <p>Konflik kedua yang dihadapi oleh watak utama ialah konflik antara Waheeda dengan suaminya, Zahid. Kemesraan Waheeda dengan pelanggan lelaki, kecantikan Waheeda dan pujian yang sering diterima olehnya menyebabkan suaminya cemburu sekaligus mencurigai kesetiaan Waheeda. Zahid juga mempersoal raut wajah anak mereka yang baru dilahirkan dan dijadikan alasan untuk menuduh Waheeda berlaku curang. Cara penyelesaian yang Waheeda ambil ialah waheeda telah membuat ujian DNA untuk membuktikan anak itu adalah anak Zahid.</p> <p>Konflik ketiga ialah konflik Waheeda dengan kawan baiknya Baziliah. Baziliah mula cemburu melihat kemesraan waheeda dengan tunangnya Dr Zahari. Tindakan waheeda utk menyelesaikan konflik tersebut ialah Waheeda telah berpindah dr rumah Baziliah dan menetap di Flamingo resort. Bekerja sebagai pegawai perhubungan pelanggan.</p>
<p>12. Mengapakah unsur konflik antara watak utama dan watak sampingan dalam sebuah novel sangat penting? Nyatakan dua alasan anda tentang kepentingan unsur konflik berdasarkan novel yang anda kaji.</p> <p>Novel yang saya pelajari ialah Tirani, karya Beb Sabariah. Unsur konflik watak utama penting dalam novel ialah untuk menjadi jalan cerita lebih menarik. Contohnya konflik Waheeda dengan kawan baiknya Baziliah. Baziliah mula cemburu melihat kemesraan waheeda dengan tunangnya Dr Zahari. Tindakan waheeda utk menyelesaikan konflik tersebut ialah Waheeda telah berpindah dr rumah Baziliah dan menetap di Flamingo resort. Berdasarkan realiti kita dapat menilai perwatakan waheeda yang sangat menghargai persahabatannya dengan Baziliah.</p> <p>Selain itu, Unsur konflik watak utama penting dalam novel ialah untuk memperlihatkan keistimewaan watak utama menyelesaikan masalah. Contohnya Konflik Waheeda dengan Zahid yang curiga dan tidak mahu mengaku izzati sebagai anaknya. Cara penyelesaian yang Waheeda ambil ialah waheeda telah membuat ujian DNA untuk membuktikan anak itu adalah anak Zahid.</p> <p>Unsur konflik watak utama penting dalam novel ialah untuk dijadikan teladan kepada pembaca. Contohnya perwatakan Zahid yang cemburu buta. Kemesraan Waheeda dengan pelanggan lelaki, kecantikan Waheeda dan pujian yang sering diterima olehnya menyebabkan suaminya cemburu buta sekaligus mencurigai kesetiaan Waheeda dan terburu-buru menceraikan waheeda.</p>
<p>13. Watak utama menghadapi pelbagai cabaran untuk memperolehi kejayaan. Huraikan dua kejayaan watak utama dalam sebuah novel yang anda kaji.</p> <p>Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Kejayaan pertama watak utama ialah kejayaan dalam menjalani pembedahan. Waheeda berjaya menjalani pembedahan hidung dan matanya di Silicon medical centre.</p> <p>Kejayaan kedua ialah kejayaan dalam kerjaya. Waheeda berjaya bekerja sbg Pegawai Perhubungan awam Hotel Flamingo dan berjaya meraih gelaran Ratu plancongan Antarabangsa.</p> <p>Kejayaan ketiga ialah kejayaan sebagai pengurus syarikat. Waheeda berjaya meluaskan perniagaannya dengan membuka inap desa Aya –Sajinah di Cameron Highlands.</p>
<p>14. Pengarang menggunakan novel sebagai alat untuk menegur sikap masyarakat yang negatif (kritikan masyarakat). Huraikan dua teguran pengarang kepada masyarakat dalam sebuah novel yang anda pelajari</p> <p>Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Teguran pertama ialah Teguran pengarang kepada masyarakat yang suka mengejek kekurangan orang lain. Contohnya Mat Gusi dan Si Nuar mengejek waheeda sebagai Eda Keropok kerana wajah waheeda yang berjerawat sehingga waheeda malu.</p> <p>Selain itu, Teguran pengarang kepada masyarakat yang terlalu cemburu buta. Contohnya Zahid sering menuduh waheeda curang dan berfoya-foya dengan lelaki lain seperti halloway dan Dr Rusdhi.</p> <p>Teguran pengarang kepada masyarakat yang bertindak terburu-buru. Contoh Zahid tidak mahu melihat keputusan DNA anaknya Izzati tetapi sebaliknya telah menceraikan waheeda.</p>
<p>15. Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan sumbangan penulis novel kepada masyarakat.</p> <p>Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Penulis novel ini ialah Beb Sabariah. Sumbangan penulis kepada masyarakat ialah untuk menyampaikan idea dan buah fikiran kepada masyarakat supaya tabah menghadapi cabaran hidup dan tidak putus asa. Contohnya Beb Sabariah menyampaikan cerita kisah Waheeda yang mempunyai wajah yang buruk, selalu diejek oleh kawannya tetapi tetap bersabar sehingga beliau berjaya menjadi pengurus inap desa tajau emas Sdn. Bhd. Kemudian beliau berkahwin dengan Zahid tetapi rumahtangganya goyang kerana Zahid terlalu cemburu buta tetapi waheeda tabah membesarkan anaknya seorang diri.</p> <p>Selain itu, penulis menulis untuk menyampaikan kritiknya kepada kepincangan masyarakat. Contohnya masyarakat yang suka mengejek kekurangan orang lain seperti Mat Gusi dan Si Nuar mengejek Waheeda dengan gelaran Eda Keropok.</p> <p>penulis juga menulis untuk menerapkan pengajaran dan teladan kepada masyarakat. Contohnya dalam novel Tirani, penulis menerapkan pengajaran kita hendaklah sayang kepada ahli keluarga. Contohnya Raidah ibu waheeda yang sanggup terbang ke singapura untuk menemani waheeda yang akan menjalani pembedahan plastik pada hidung dan matanya.</p>
<p>16. Apakah perasaan anda setelah membaca novel yang telah anda pelajari? Berikan ulasan anda.</p> <p>Novel yang saya kaji ialah novel Tirani karya Beb Sabariah. Perasaan saya setelah membaca novel Tirani ialah timbul perasaan kagum dengan ketabahan seorang wanita mengharungi pelbagai cabaran hidup tetapi akhirnya beliau berjaya menyelesaikannya. Contohnya Waheeda dari kecil diejek oleh kawan, kemudian wajahnya dicakar oleh monyet Belanda dan setelah wajahnya cantik tetapi kecantikan itu tidak membawa kebahagiaan dalam perkahwinannya.</p> <p>Selain itu timbul juga perasaan sedih apabila Waheeda bersalin tanpa ditemani oleh suaminya Zahid dan bertambah sedih apabila Zahid tidak mahu mengaku bayi itu anaknya. Kemudian perasaan saya bertambah geram dan marah apabila Zahid tidak mahu melihat keputusan DNA dan telah menceraikan waheeda terburu-buru.</p> <p>Saya juga mempunyai perasaan bangga dengan kejayaan wanita. Contohnya waheeda mewakili golongan wanita yang berjaya dalam kerjayanya sebagai seorang ahli perniagaan apabila waheeda membeli chalet iwni iwni atau aya-sajinah di Cameron Highland.</p>

DISUSUN OLEH ZAHARIAH AZHARI
 GKMP KEMANUSIAAN
 MERANGKAP GURU BAHASA MELAYU
 SMK TJ2

“ ANDA MEMILIK DUA PILIHAN SEPANJANG HAYAT. SAKIT KERANA INGIN BERUBAH **ATAU** SAKIT KERANA TIDAK BERUBAH”